



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 04/2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN DAN GARISPANDUAN
MENANGANI PANDEMIK INFLUENZA A (H1N1) BAGI
WARGA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa kaedah-kaedah pengawalan dan garispandu menangani pandemik Influenza A (H1N1) bagi Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam adalah seperti berikut;

1. Warga Perkhidmatan Awam hendaklah mengendalikan beberapa 'operational measures' sebagai garispandu dalam usaha ke arah menangani pandemik Influenza A (H1N1). Pada masa yang sama juga, adalah penting supaya Warga Perkhidmatan Awam untuk mengimbangi keadaan serta menjalankan tugas dan tanggungjawab seharian dengan seboleh-bolehnya seperti biasa atau normal disebalik kaedah-kaedah pengawalan dan sikap berjaga-jaga yang diambil.
2. Di antara garis panduan yang perlu diambil perhatian dan tindakan dengan sebaiknya adalah seperti berikut:-
 - a. **Kaedah Pengawalan (Preventive Measures)**
 - i. Meningkatkan tahap **kebersihan** di tempat bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan.
 - ii. Mempertingkatkan amalan **pembasuhan tangan** dan **penggunaan sanitizer** sebagai langkah berjaga-jaga.
 - iii. Mengalakkan **pemeriksaan suhu badan** (*body temperature checks*) bagi Warga Perkhidmatan Awam dan dikendalikan sebelum masuk ke Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan.
 - iv. **Prosedur Deklarasi Kesihatan ('Self-Declaration Health Procedures')** hendaklah dijalankan bagi Warga Perkhidmatan Awam khususnya pada diri sendiri atau 'Kontak' terdekat terutamanya yang telah kembali ke Negara Brunei Darussalam dari Negara-Negara luar, lebih-lebih lagi dari Negara-Negara yang telah terjejas kepada pihak yang telah ditugaskan di Kementerian dan Jabatan masing-masing. Setiap Warga Perkhidmatan Awam juga hendaklah mengisytiharkan dirinya bahawa ianya tidak mempunyai sebarang symptom flu seperti demam panas, batuk, selesema, sakit tekak dan sebagainya. Setiap Warga Perkhidmatan Awam juga perlu mengisytiharkan bahawa dirinya baru pulang dari Negara yang telah terjejas kepada pihak yang berkenaan.



b. Penubuhan Pasukan Tindakan atau Action Team

Setiap Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan hendaklah menubuhkan **Pasukan Tindakan** atau **Action Team** untuk menangani pandemik di peringkat Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan. Satu garispandu atau SOP yang lengkap akan dikeluarkan sebagai Panduan Warga Perkhidmatan Awam pada sedikit masa yang terdekat. Pasukan Tindakan atau Action Team akan beroperasi mengikut rangkakerja garispandu atau TOR (Terms of Reference) seperti berikut-

- i. Melantik ketua dan ahli-ahli Action Team. Ketua Pasukan Tindakan hendaklah terdiri daripada Pengarah Pentadbiran atau setaraf.
 - ii. Memastikan barang-barang seperti *face mask*, *thermometer*, *sanitizer*, sabun pencuci tangan dan lain-lain barangan yang diperlukan adalah sentiasa disediakan pada setiap masa.
 - iii. Menjalankan SOP bagi Menangani Pandemik Influenza A (H1N1) yang digariskan bagi pejabat masing-masing.
 - iv. Memastikan langkah-langkah pemantauan kebersihan dan preventif dijalankan di kesemua tempat bekerja khususnya bagi kawasan tandas, kantin, bilik pejabat dan lain-lain.
 - v. Menangani senario Warga Perkhidmatan Awam jatuh sakit semasa waktu bekerja.
 - vi. Menyediakan '**Business Continuity Plan**' bagi menghadapi pandemik di peringkat Jabatan masing-masing.
3. Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan juga disarankan untuk mengambil langkah-langkah perlindungan seperti berikut:-

Menghadiri Mesyuarat / Seminar dan seumpamanya di luar Negara

- i. Warga Perkhidmatan Awam adalah **tidak digalakkan untuk menghadiri mesyuarat, seminar atau seumpamanya di luar Negara, terutama sekali di Negara-Negara yang telah terjejas**, kecuali jika benar-benar mustahak, selaras dengan 'travel advisory' yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.
- ii. Bagi Warga Perkhidmatan Awam yang baru sahaja pulang ke Negara Brunei Darussalam terutama sekali dari Negara-Negara yang terbabit, khususnya bagi yang dihantar secara rasmi menghadiri mesyuarat, seminar dan seumpamanya hendaklah mengambil langkah seperti berikut:-



- (a) Tertakluk kepada Setiausaha Tetap / Ketua Jabatan masing-masing, jika bersesuaian, boleh kembali bekerja secara 'flexible working arrangements' dengan mengikuti nasihat-nasihat yang diberikan oleh Kementerian Kesihatan samada di pejabat atau di rumah masing-masing, ATAU
- (b) Digalakkan untuk membuat 'self-quarantine' iaitu dengan mengambil atau menyambung cuti (sehingga 7 hari) dari *hak cuti* masing-masing.

Kebenaran Bercuti / Kebenaran Keluar Negeri

- iii. Ketua-Ketua jabatan disarankan untuk menghadkan kebenaran bercuti dan seterusnya keluar negeri pada masa pandemik, yakni Warga Perkhidmatan Awam secara amnya dinasihatkan seboleh-bolehnya untuk **mengambil cuti dalam negeri** sahaja. Mana-mana permohonan bercuti yang melibatkan perjalanan keluar Negara (melalui perjalanan udara, air atau darat) adalah atas budi bicara Ketua Jabatan masing-masing.
- iv. Keluar negeri pada cuti hujung minggu dan hari-hari kelepasan awam adalah tidak digalakkan dalam tempoh yang terdekat.
- v. Bagi Warga Perkhidmatan Awam yang balik bercuti dari luar Negara, khususnya dari Negara-Negara yang terjejas, mestilah mengambil langkah 'self-quarantine' iaitu dengan mengambil atau menyambung cuti (sehingga 7 hari) dari *hak cuti* masing-masing setelah kembali ke tanah air.

Kuarantin

- vi. Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam, dalam apa jua tahap atau bentuk lantikan, yang dikehendaki menjalani tempoh kuarantin samada di dalam rumah, hospital atau tempat-tempat kuarantin yang telah dikhaskan, dengan syarat ianya diberikan atas nasihat, arahan atau kehendak doktor atau pakar perubatan kerajaan sahaja, akan diberikan cuti sakit /cuti khas tanpa catat dalam masa tempoh yang telah ditetapkan.
- vii. Mana-mana Warga Perkhidmatan Awam (dan juga orang ramai) yang gagal mematuhi kehendak kuarantin pihak yang berwajib dan yang demikian boleh membahayakan orang lain, akan diambil tindakan yang sewajarnya mengikut undang-undang dan peraturan yang sedang berjalan.



LANGKAH TAMBAHAN

4. Sebagai langkah tambahan, Kementerian dan Jabatan juga disarankan untuk mengamalkan Solat Sunat Hajat dan Membaca Doa memohon kepada Allah Subhanahu Wataala supaya Negara Brunei Darussalam dan segenap rakyat serta penduduknya terselamat daripada wabak dan segala penyakit khususnya Wabak Influenza A (H1N1).

Surat Keliling ini adalah berkuatkuasa dengan serta merta dan akan diteliti dari masa kesemasa mengikut keadaan.

Sekian yang dapat disampaikan untuk makluman dan perhatian Yang Amat Mulia/ Yang Dimuliakan/ Yang Mulia Pengiran/ Pehin/ Dato/ Datin/ Tuan/ Puan mengenainya.

'Keluarga Dikasihi Penderaan Dihindari'

Dengan hormat

[HAJI ABDUL AZIZ BIN OKML HAJI YUSSOF]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (4)JPM/SK/2009

Tarikh : 14 Rejab 1430 / 07 Julai 2009